

09 JAN 2004

Sultanah-Pemasyhuran

CHE' PUAN KEDAH DIMASYHURKAN SEBAGAI SULTANAH KEDAH

ALOR STAR, 9 Jan (Bernama) -- Che' Puan Kedah, Hajah Haminah Haji Hamidun, hari ini dimasyhurkan sebagai Sultanah Kedah pada satu istiadat pemasyhuran yang berlangsung di Balai Penghadapan Istana Anak Bukit di sini.

Pemasyhuran disempurnakan secara penuh adat istiadat oleh Sultan Kedah Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dengan disaksikan oleh dua puteri baginda iaitu Tunku Soraya, 43, dan Tunku Puteri Intan Syafinaz, 37, kerabat-kerabat diraja, para pembesar negeri serta orang kenamaan.

Selepas dimasyhurkan, Tuanku Sultanah Haminah dikurniakan Darjah Kebesaran Kedah (DK) oleh Sultan Abdul Halim.

Istiadat bermula pukul 10 pagi dengan ketibaan Sultan Kedah dan isteri diiringi pegawai-pegawai yang membawa alat-alat kebesaran negeri - Cogan Agama, Cogan Alam, Cokmar, Pedang dan Lembing.

Ketua Istiadat kemudiannya membawa masuk peralatan pemasyhuran diiringi Mursyid Diraja yang membawa Al-Quran, Datuk Panglima Jaya membawa mahkota dan Datuk Lela Setia membawa waticah pemasyhuran yang dibacakan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Istiadat pemasyhuran disempurnakan oleh Sultan Kedah dengan meletakkan mahkota kebesaran di jemala Sultanah Haminah dan serentak dengan itu tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Antara orang kenamaan yang turut hadir ialah bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Sempena pemasyhuran Sultanah Kedah itu, kerajaan negeri mengisytiharkan esok sebagai hari cuti umum untuk negeri ini.

Sultanah Haminah, 50, dilahirkan pada 15 Julai 1953 di Bagan Serai Perak, berkahwin dengan Sultan Abdul Halim pada 25 Dis 1975.

Sultanah Haminah berminat dalam bidang muzik dan sukan termasuk squasy, golf, tenis dan badminton.

Sultanah Kedah yang lepas, Sultanah Bahiyah Tuanku Abdul Rahman
mangkat
pada 27 Ogos di Istana Kuala Chegar.

-- BERNAMA

SN ZS ROS